

Headline	MyKasih Foundation tagih sumbangan orang ramai		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	16 Apr 2015	Color	Black/white
Section	TEMPATAN	Circulation	37,981
Page No	6	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	300 cm <sup>2</sup>
Journalist	CHRISTINA ULAU	AdValue	RM 682
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 2,045



# MyKasih Foundation tagih sumbangan orang ramai

**CHRISTINA ULAU**

KUCHING, Rabu — Organisasi korporat dan individu sangat dialu-alukan untuk membantu usaha kerajaan membantu golongan yang kurang berkemampuan antaranya, menerusi MyKasih Foundation.

Menteri Kebajikan, Wanita dan Pembangunan Keluarga, Datuk Hajah Fatimah Abdullah berkata, MyKasih Foundation adalah sebuah organisasi bukan kerajaan (NGO) yang menyediakan sebuah sistem penyampaian bantuan yang sangat telus dan langsung kepada penerima sasaran.

"Saya berpendapat sistem yang digunakan oleh MyKasih sangat bagus kerana jika sumbangan seringgit diberikan oleh penerima, jumlah yang sama juga akan diterima oleh penerima.

"Justeru, jika banyak bantuan daripada badan-badan korporat dan individu-individu yang hendak menderma kepada MyKasih Foundation ini, saya yakin bilangan peserta yang boleh dibantu bertambah," jelasnya.

Menurut Fatimah, sistem digunakan MyKasih ialah tanpa tunai kerana, setiap wang yang diterima akan dikreditkan ke dalam kad pengenalan penerima iaitu RM100 sebulan.

Seterusnya, peserta akan boleh membeli barangan keperluan di pasar raya yang ditetapkan sahaja.

"Sistem ini sangat telus dan penderma tahu di mana wang sumbangan yang diberikan oleh mereka digunakan," tegasnya sambil memberitahu seramai 2,673 penerima terkini meneri-

ma bantuan daripada MyKasih Foundation di Sarawak.

Sejak ia ditubuhkan di negeri ini pula, 12,181 penerima dan 681 pelajar di bahagian Miri, Kuching, Bintulu dan keluarga masyarakat Penan telah mendapat manfaat daripadanya.

Sementara itu, Pengurus Urusan MyKasih Foundation, Jeffrey Perera berkata, program yang dibangunkan oleh MyKasih menggunakan teknologi yang moden.

"Berbanding dengan amalan kebajikan tradisional biasa, wang tunai yang disalurkan kadang-kala tidak mencapai sasarannya atau digunakan sewajarnya.

"Maka enam tahun lalu, kami membangunkan program ini dengan sasaran untuk memastikan, apa jua yang diderma oleh penderma, digunakan untuk

tujuan spesifik," ujarnya.

Jelas Jeffrey, MyKasih Foundation mempunyai platform dan sistem untuk membantu Kerajaan Negeri mencapai lebih orang kurang berkemampuan.

"MyKasih ada sistem yang cekap, selamat, telus mekanisme penyampaian kerana apa jua bantuan kebajikan yang kami kumpul, ia akan terus alurkan kepada penerima sasaran menerusi kad pengenalan... bukan kepada pihak ketiga, tidak boleh membeli barangan mahal kerana ia semua dikawal oleh proses barcoding dan kita menyediakan penderma laporan lengkap setiap bulan," jelasnya.

Hadir sama, Pengurus Kanan MyKasih Foundation, Masyitah Mawi dan Ketua Penolong Pengarah Pejabat Pembangunan Persekutuan Sarawak, Masnah Abang Abu Bakar.